

Cabaran Malaysia Sebagai Pusat Logistik

KLANG: Syarikat pengangkutan tempatan perlu bersiap sedia menghadapi cabaran baru selepas kerajaan bercadang menjadikan Malaysia sebagai pusat logistik utama dalam tempoh lima tahun akan datang.

Timbalan Menteri Pengangkutan Datuk Ab Aziz Kaprawi berkata, cadangan itu dilihat bersesuaian dengan perkembangan ASEAN Economic Community (AEC) yang mahu mewujudkan pembangunan ekonomi secara liberal di Asia.

“Ini bermakna kenderaan atau lori di negara ini turut boleh membawa kargo sehingga ke Thailand dan negara jiran lain. “Ia sekali gus akan dapat menyemarakkan lagi kegiatan ekonomi di Asia sebagai satu komuniti,” katanya selepas merasmikan Majlis Penyampaian Sijil Tamat Kursus Program Peningkatan Kompetensi Tenaga Kerja Sektor Pengangkutan di sini, semalam.

Pada majlis anjuran Persatuan Haulier Malaysia dan Institut Logistik Asia itu, seramai 157 peserta daripada 44 syarikat tempatan menerima sijil berkenaan.

SUMBER: HARIAN METRO | M/S: 70 | 17 JANUARI 2018